

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 OGOS 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 2

### RM5.6b majukan bidang inovasi



Ismail Sabri bersama Mustapa (kanan) melawat pameran pada Persidangan Inovasi Malaysia 2022 di Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Izalri Shamsudin/BH)

# RM5.6b majukan bidang inovasi

**Peruntukan khas biaya 99 projek, program penyelidikan serta pembangunan komersial negara**

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
mohd\_iskandar@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 99 projek dan program penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan serta inovasi (R&D dan C&I) dengan kos berjumlah RM5.6 billion diluluskan untuk sektor inovasi negara, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, projek dan program terbabit diluluskan bagi tempoh 2021 hingga 2022 di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Beliau berkata, kerajaan sedar ekosistem yang kondusif penting dalam menggalakkan lebih banyak pelaburan bagi penghasilan perkhidmatan dan produk dengan menjadikan inovasi sebagai tumpuan utama.

“Seperti yang saya umumkan ketika pembentangan RMK-12, kita bermatlamat mencapai status negara maju menjelang 2025.

“Ini bermakna Malaysia perlu terus berubah dan berinovasi ke arah negara digital yang makmur dan berdaya tahan melalui pen-digitalan, terima guna teknologi dan inovasi bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan,” katanya ketika menyampa-

paikan ucaptama pada majlis perasmian Persidangan Inovasi Malaysia 2022 di Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Penolong Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) merangkap Pengarah bagi Biro Asia Pasifik, Kanni Wignaraja.

Lahir lebih ramai pencipta

Ismail Sabri berkata, dalam aspek pengkomersialan, sekurang-kurangnya 50 peratus jumlah perbelanjaan R&D perlu menjurus kepada penyelidikan pembangunan eksperimental, selain melahirkan lebih ramai pencipta teknologi serta usahawan teknologi bagi menjana kekayaan dan pertumbuhan ekonomi.

Katanya, pada 2025, peratusan perbelanjaan kasar R&D (GERD) kepada Keluarga Dalam Negara Kasar (KDNK) negara dijangka mencapai 2.5 peratus, berbanding 1.04 peratus saja pada 2018.

“Bagi tujuan ini, sumbangan sektor swasta disasarkan mencapai 70 peratus daripada jumlah perbelanjaan R&D dengan sumber pembiayaan alternatif termasuk modal teroka, pembiayaan antarabangsa dan dana *endowment* juga dipertingkatkan,” katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, terdapat cabaran berkaitan inovasi yang perlu ditangani Keluarga Malaysia sebelum negara mampu mencapai status negara berpendapatan tinggi.

“Ini termasuk pelaburan sektor awam dan swasta yang rendah

dalam R&D dan C&I berbanding negara maju. Contohnya pada 2018, GERD Korea Selatan ialah 4.52 peratus, Jepun 3.22 peratus berbanding 1.04 peratus bagi Malaysia.

“Landskap R&D dan C&I Malaysia juga berbeza dengan negara maju kerana hampir 80 peratus penyelidik di negara ini pada 2018 berada di institusi pengajian tinggi, manakala 97.4 peratus usahawan datangnya daripada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS),” kata-

Sedia lebih banyak insentif

Ismail Sabri berkata, selain itu, daripada 5,435 syarikat pemula sejak 2010 hingga 2020, hanya lima peratus adalah berdasarkan teknologi.

Justeru, katanya, bagi pendekatan jangka pendek dan sederhana, kerjasama dalam kalangan pihak penyelidik dan usahawan perlu dilaksanakan untuk meningkatkan inovasi tempatan.

“Ini sejajar Pelan Hala Tuju Ekosistem Syarikat Pemula Malaysia 2021-2030 (SUPER) yang menyasarkan 5,000 syarikat pemula dan lima syarikat bertaraf unicorn bernilai lebih AS\$1 bilion menjelang 2025.

“Setakat ini, Malaysia hanya mempunyai sebuah syarikat bertaraf unicorn iaitu CAR SOME Sdn Bhd.

“Oleh itu, lebih banyak insentif perlu disediakan bagi mewujudkan syarikat pemula berdasarkan teknologi termasuk merangka strategi ekosistem inovasi terbuka bagi merancakkan inovasi negara menerusi pengembangan idea semua pihak terbabit,” katanya.

+